

BAB 3 : KEGIATAN EKONOMI KONGSI GELAP

Kongsi gelap memainkan peranan penting dalam aktiviti ekonomi di Sungai Ujong. Mereka menjalankan perniagaan di bawah pimpinan Kapitan Cina (Ketua kongsi gelap) yang banyak melabur dalam sektor perlombongan timah. Kawasan yang kaya dengan timah juga adalah pusat perniagaan candu dan perjudian. Ia membuka peluang kepada kongsi gelap mengukuhkan kedudukan mereka dengan memungut wang perlindungan daripada peniaga yang menguruskan candu dan rumah perjudian. Dengan sokongan kongsi gelap, orang Cina telah mengukuhkan ekonomi mereka dan orang Melayu yang tidak terlibat dalam aktiviti ini telah tersisih dari arus perkembangan ekonomi Sungai Ujong.

Perlombongan Bijih Timah

Monopoli Orang Melayu Dalam Kegiatan Perlombongan Timah

Semenjak tahun 1850-an, pembesar Sungai Ujong iaitu Dato Kelana, Dato Syahbandar dan Datok Muda Linggi telah mengawal kegiatan perlombongan dan perdagangan bijih timah.¹ Penguasaan golongan pemerintah ini dapat dilihat dari dua sudut, iaitu semua urusan yang berkaitan dengan perlombongan bijih timah mesti melalui pembesar. Mereka berhak memberi kebenaran kepada pelombong untuk mengerjakan sesuatu kawasan. Para pembesar menjadi pembeli tunggal hasil pengeluaran bijih di sesuatu kawasan. Harga akan dibayar mengikut harga yang telah ditetapkan oleh pembesar. Biasanya mereka membeli dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran. Pembayaran akan dibuat dalam bentuk barang atau keperluaan yang diperlukan oleh pelombong. Datok Muda Linggi (Encik Aman) misalnya memberi

sebenaran kepada pelombong Cina untuk mengerjakan sesuatu kawasan perlombongan pada awal abad ke-19. Begitu juga dengan Datok Kelana (Kamal) Sungai Ujong memberi sebenaran kepada pelombong Cina untuk melombong di Sungai Ujong. Sebagai ganjaran beliau menerima tiga bahar timah dari setiap tiga pikul, dengan kadar 30 Dolar Sepanyol setiap tiga bahar.² Selain daripada itu, golongan pemerintah juga boleh mengenakan pelbagai jenis cukai ke atas para pelombong dan buruh Cina yang bekerja di lombong. Cukai-cukai ini merupakan sumber pendapatan kepada golongan pemerintah untuk menjamin kedudukan politik mereka.³

Kaum Melayu telah melombong timah sejak berkurun-kurun lamanya, namun bilangan orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan perlombongan timah adalah terlalu kecil. Keadaan ini menyebabkan pengaruh mereka dalam kegiatan perlombongan timah adalah terhad.⁴ Malah orang Melayu hilang tanah perlombongan timah kerana mereka mengerjakan lombong dengan menggunakan cara yang kurang efektif, iaitu melampau dan mendulang.⁵ Kedua-dua cara ini tidak begitu berkesan dan jumlah pengeluaran timah adalah terhad. Apabila permintaan terhadap timah semakin meningkat, para pembesar mula mencari pemodal Melaka yang terdiri daripada towkay Cina untuk melabur dalam sektor perlombongan timah di Sungai Ujong. Perkembangan industri timah telah menyebabkan tenaga buruh yang sedia ada tidak mencukupi dan mereka terpaksa mengambil orang Cina untuk mengerjakan lombong bijih di Linggi.⁶ Pengambilan buruh Cina akhirnya membawa kepada dominasi orang Cina dalam sektor perlombongan timah di Sungai Ujong.

Kegiatan Perlombongan Orang Cina / Kongsi Gelap

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan orang Cina monopoli dalam kegiatan perlombongan bijih timah sejak akhir abad ke-19. Salah satu daripadanya adalah faktor politik. Ketiadaan satu empayar Melayu selepas kejatuhan Kesultanan Melaka telah menyebabkan struktur politik Melayu terasing dari arus perkembangan dunia. Pada abad ke-19, penglibatan masyarakat Melayu di negeri-negeri yang mengeluarkan timah semakin kekurangan kerana tiada kuasa pusat yang mempunyai keupayaan dan kebolehan untuk mengawal seluruh kawasan sempadan yang berada di bawah pengaruh mereka. Dalam konteks penguasaan pula, pengawalan terhadap orang yang berupaya menjamin kejayaan mereka dibuat dengan memelihara penyokong mereka. Justera itu, bekalan makanan dan pakaian dibekalkan kepada golongan ini. Keuntungan digunakan bagi mengawal dan menjamin kuasa politik melalui cukai di kawasan yang berkenaan. Atas sebab ini pembesar atau raja Melayu lebih mengambil berat tentang kuasa politik daripada memperkembangkan industri timah⁷

Pembesar Melayu telah menggunakan tenaga buruh tempatan sebagai askar dan mereka tidak diguna untuk menjalankan aktiviti perlombongan. Sudah menjadi kebiasaan bagi orang Melayu pada masa itu untuk hanya menumpukan perhatian kepada sektor pertanian berbanding dengan sektor perlombongan. Perlombongan hanya dianggap sebagai kerja sampingan bagi menambahkan pendapatan . Hasilnya, Negeri-negeri Melayu yang kaya dengan timah telah menghadapi masalah kekurangan buruh dan modal. Keadaan ini mulai berubah apabila pembesar Melayu ingin menambahkan keuntungan dari perlombongan timah. Mereka telah mengimport buruh Cina dan modal

dari Negeri-negeri Selat. Pada masa itu, hanya orang Cina yang sanggup menangung risiko dan menghadapi cabaran hidup di Negeri-negeri Melayu.⁸ Dengan pertambahan modal dan buruh Cina, orang Cina telah mendominasi sektor perlombongan timah di Sungai Ujong.

Penglibatan orang Cina dalam aktiviti perlombongan timah telah berjaya memindahkan kuasa ekonomi daripada pembesar Melayu kepada orang Cina. Pada awalnya orang Cina hanya bekerja sebagai buruh dan terdapat juga sebilangan mereka yang meminjam modal daripada pembesar Melayu untuk mengusahakan lombong.⁹ Namun selepas tahun 1850-an, penguasaan pembesar Melayu di Sungai Ujong dalam sektor perlombongan semakin tercabar apabila saudagar dari Melaka telah memberi wang pendahuluan secara langsung kepada pelombong Cina.¹⁰ Dengan adanya sokongan modal dari saudagar Melaka, peranan orang Cina dalam sektor perlombongan semakin menonjol, malah orang Cina mula mengambil alih peranan orang Melayu sebagai pengusaha timah yang utama di Sungai Ujong.

Sejak akhir kurun ke-19, orang Cina telah menjadi pelombong timah yang utama. Permintaan serta harga timah yang tinggi telah menyebabkan usaha-usaha mencari kawasan bijih timah dilakukan secara intensif. Banyak kawasan timah ditemui di kawasan Sungai Ujong antara tahun 1860 hingga 1870-an.¹¹ Ini membawa kepada pembukaan lebih banyak kawasan perlombongan timah secara besar-besaran mulai tahun 1890-an. Pengeluaran timah turut bertambah tiga kali ganda antara tahun 1890-1900. Sebaliknya orang Melayu terpaksa menjual tanah mereka kepada orang asing walaupun

industri timah semakin membawa keuntungan. Ini menyebabkan orang Melayu semakin tersisih dari industri timah.¹²

Perusahaan timah yang dijalankan antara pembesar Melayu dengan peniaga Cina di Melaka telah menyebabkan elemen-elemen kongsi gelap orang Cina di Negeri-negeri Selat merebak hingga ke Sungai Ujong. Hasil dari Sungai Ujong, terutamanya timah akan dihantar ke Melaka. Dari Melaka, hasil tersebut dipasarkan ke pasaran antarabangsa. Melalui perdagangan dengan Melaka, Sungai Ujong pula mendapat barang keperluan harian seperti beras, candu, tembakau, ikan kering dan perkakas untuk pertanian. Oleh itu, terdapat satu proses timbal balik atau ‘reciprocity’ di antara barang tempatan (Sungai Ujong) dengan Melaka yang terlibat dalam kegiatan perdagangan di peringkat tempatan, serantau dan antarabangsa. Perdagangan yang dijalankan di situ telah melibatkan kegiatan pertukaran dan pemasaran hasil-hasil keluaran perlombongan, pertanian dan perhutanan dengan barang-barang keperluan harian yang tidak dihasilkan di Sungai Ujong. Justeru itu, hubungan di antara kawasan pedalaman atau ‘hinterland’ sebagai pengeluar dengan pusat perdagangan atau entrepot yang bertindak sebagai tempat pertukaran dan pemasaran adalah saling bergantungan antara satu sama lain¹³

Menurut Newbold, terdapat sebilangan pelombong Cina yang juga merupakan ahli kongsi gelap di Melaka berhijrah ke Sungai Ujong untuk bekerja sebagai pelombong . Kongsi gelap bukan sahaja terdiri daripada orang Cina di Melaka, malah juga dari Rasah di Sungai Ujong, Linggi di sempadan Melaka dan Lukut di Selangor. Kawasan-

kawasan berkenaan merupakan tapak perlombongan timah yang telah diusahakan oleh orang Cina sejak dahulu lagi.¹⁴ Penularan pengaruh kongsi gelap di kawasan perlombongan adalah kerana orang Cina yang hidup bersama dalam perkampungan lombong timah yang besar. Ini memberi peluang kepada orang Cina untuk menyertai kongsi gelap.¹⁵ Perkembangan ini telah menyebabkan kawasan perlombongan timah menjadi pusat aktiviti kongsi gelap .

Hubungan antara aktiviti perlombongan dengan kongsi gelap adalah rapat kerana kebanyakan pelabur timah juga merupakan ketua kongsi gelap. Sebagai contoh, Kapitan Sheng Meng Li di Sungai Ujong yang merupakan pengusaha Syarikat Perlombongan Timah Ming Fa juga merupakan seorang ketua kongsi gelap Hai San.¹⁶ Begitu juga dengan Kapitan Yap Ah Loy yang pernah memegang jawatan sebagai Kapitan Sungai Ujong selama tiga hingga empat tahun, juga merupakan seorang ketua kongsi gelap Hai San. Di samping itu, beliau juga mengusahakan perusahaan perlombongan timah.¹⁷ Wang Ying sebagai ketua Hai San turut memiliki kawasan perlombongan yang kaya di Sungai Ujong. Ini menunjukkan aktiviti perlombongan timah berkait rapat dengan kongsi gelap.

Di Negeri-negeri Melayu, kewujudan kongsi gelap penting dalam mengawal buruh-buruh Cina. Kapitan Cina telah menggunakan kongsi gelap dalam mengawal penawaran buruh Cina yang dibawa dari China di pelabuhan Negeri-negeri Selat. Ini menyebabkan pengaruh kongsi gelap meluas di kalangan komuniti Cina sehingga mereka boleh menjalankan perlombongan timah tanpa perlindungan pembesar Melayu.¹⁸

Kewujudan kongsi gelap di kawasan perlombongan mempunyai kesan yang negatif kepada politik orang Melayu. Fenomena ini berlaku apabila terdapatnya dua kumpulan pelombong yang berasal dari kampung halaman yang berbeza telah bermusuhan antara satu sama lain. Pergolakan politik ini telah mendorong mereka menyokong pembesar tertentu demi menjaga kepentingan dalam perlombongan.¹⁹ Konflik politik ini juga berlaku di Sungai Ujong apabila kongsi gelap Cina terlibat dalam konflik politik yang berlaku di kalangan pembesar Melayu antara tahun 1860 hingga 1870-an.²⁰

Pelombong Cina pernah menikmati keuntungan dalam kegiatan perlombongan timah hasil naungan kongsi gelap Cina. Namun keadaan ini tidak dapat dikekalkan berikutan kemasukan pelaburan modal dan teknologi yang canggih dari dunia barat.

Demi menjaga kepentingan orang Eropah, kerajaan British telah memperkenalkan pelbagai enakmen yang berkaitan dengan perlombongan timah. Peraturan ini telah menjelaskan hak monopoli orang Cina. Enakmen membaiki undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti perlombongan (*An Enactment to Amend The Law Relating to Mining, 19 Mei 1904*) juga digubal pada 19 Mei 1904²¹. Pada masa yang sama, Kapitan Cina juga kehilangan kuasa pengawalan dalam pasaran buruh pada pertengahan 1890. Ini kerana kuasa kongsi gelap yang digunakan untuk mengawal bekalan buruh telah diharamkan sejak tahun 1890-an.²²

Kegiatan Kongsi Gelap dalam Perniagaan Candu

Sejak abad ke-19 lagi, amalan menghisap candu semakin berkembang di kalangan penghijrah Cina, malah telah menjadi satu kebiasaan yang buruk kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu dan Singapura. Kerajaan kolonial telah memonopoli bekalan candu mentah yang diimport dari India dan kemudiannya memberikan kepada pemajak cukai untuk diproses sebagai candu. Walaupun kerajaan kolonial telah menguasai monopolii candu tetapi kongsi gelap juga berjaya mendapat keuntungan yang banyak kerana mereka telah memonopoli sistem pajakan candu.²³

Dalam lawatan Pickering ke kampung Cina di Sungai Ujong, beliau mendapati terdapat kedai perjudian dan rumah candu di antara jarak satu hingga dua batu dan dikawal oleh seorang Kapitan Cina atau ketua kongsi gelap, seperti Ngo-Khim. Kapitan Cina juga merupakan pemajak candu yang utama di Sungai Ujong. Mereka telah memonopoli perniagaan candu di Sungai Ujong sejak dahulu lagi. Namun orang Cina mula bertelingkah dengan pembesar-pembesar Melayu seperti Dato Kelana apabila mereka cuba memberi hak pajakan candu kepada orang Melaka.²⁴ Oleh sebab pajakan candu merupakan sumber pendapatan kepada orang Cina dan apabila kepentingan pajakan terjejas, mereka mula menerima campur tangan British di Sungai Ujong. British pula memberi jaminan bahawa kepentingan orang Cina tidak akan tergugat jika mereka menyokong British.²⁵ Perkembangan ini menunjukkan bahawa orang Cina sanggup menggadaikan kepentingan politik orang Melayu demi menjaga kepentingan ekonomi sendiri.

Pada masa yang sama, kebanyakan pedagang Cina berebut-rebut untuk mendapat pajakan candu di Sungai Ujong. Sebagai contoh, Chan Kong Pian yang telah memohon kepada Residen British Sungai Ujong dengan tujuan untuk mendapat hak pajakan candu di Sungai Ujong dan Lukut selama tiga tahun dengan bayaran \$6,200 setiap bulan.²⁶ Pada 8 Disember 1891, Chan memohon sekali lagi kawasan pajakan baru iaitu Port Dickson, Sungai Rayah, dan Linggi. Tempoh pajakannya adalah selama tiga tahun dengan bayaran \$1,400 setiap bulan.²⁷ Rebutan pajakan ini telah membuktikan bahawa candu adalah sumber pendapatan yang lumayan di Negeri Sembilan. Kenyataan ini terbukti dari statistik jumlah import dan eksport candu di Negeri Sembilan yang semakin bertambah (Sila lihat Jadual 3.1).²⁸

Jadual 3.1. : Nilai Import Dan Eksport Candu

Tahun	Import (\$)	Eksport (\$)
1895	269,610	-
1896	361,000	-
1899	2,609,667	63,662
1900	4,281,457	7,048,988
1901	4,496,670	7,665,369
1902	6,599,014	8,055,781

Sumber : Annual Report for the Year 1901; FMS Annual Report 1902; Annual Report 1900 ; Annual Report Negeri Sembilan 1896; Adminstration Report Negeri Sembilan, 1895 , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Tabiat menghisap candu menular di kalangan orang Cina berkait rapat dengan perusahaan perlombongan timah dan pertubuhan kongsi gelap. Candu telah digunakan oleh pengusaha Cina sebagai alat untuk mengawal buruh dan juga sebagai upah. Tujuan pengusaha Cina berbuat demikian adalah untuk menggalak pelombong menghisap candu. Dengan ini semua gaji akan habis digunakan untuk membeli candu dan buruh lombong terpaksa menanggung hutang yang banyak selepas tertagih pada candu.²⁹

Kongsi gelap memainkan peranan yang penting dalam perlaksanaan sistem monopoli pelbagai pajakan. Mereka tidak menerima keuntungan secara langsung dari sistem ini tetapi memperolehi keuntungan daripada proses mengawal perlaksanaan dan perjalanan sistem pajakan. Pihak kongsi gelap menerima wang perlindungan daripada peniaga yang memerlukan pengaruh kongsi gelap bagi menjaga kepentingan perniagaan. Oleh sebab perniagaan candu sangat menguntungkan, ia telah mendorong pengusaha lombong bersaing untuk memperolehi hak pajakan ke atas perdagangan candu. Sokongan daripada pemimpin kongsi gelap akan dapat menjamin peluang seseorang peniaga mendapat pajakan candu tersebut. Malah terdapat ramai peniaga Cina yang menjadi pemimpin dalam kongsi gelap.³⁰ Ini telah melahirkan suatu rantai hubungan antara kongsi gelap dan perniagaan candu.

Oleh sebab sistem pajakan candu adalah suatu sumber ekonomi yang penting kepada kongsi gelap, maka jika mereka gagal dalam memperolehi hak pajakan tersebut, pelbagai tindakan akan diambil oleh mereka ke atas peniaga yang telah berjaya. Penyeledupan candu merupakan salah satu jalan keluar bagi mereka. Menurut Yen Ching Huang, kongsi gelap juga terlibat dalam kegiatan penyeludupan candu. Aktiviti ini

semakin berleluasa apabila ketua kongsi kehilangan hak pajakan kepada kongsi yang bersaing dengan mereka. Untuk memastikan sumber pendapatannya tidak terjejas, ketua kongsi telah menggunakan kongsi gelap untuk menjalankan kegiatan penyeludupan. Penularan kegiatan penyeludupan candu di Negeri Sembilan telah menyebabkan ramai pemajak candu yang tidak disokong oleh kongsi gelap telah mengalami kerugian yang besar.³¹

Keuntungan yang lumayan telah menggalakkan penyeludupan candu semakin terjadi. Dasar kerajaan kolonial yang liberal telah menggalakkan perniagaan penyeludupan. Sering kali, sindiket penyeludupan bekerjasama dengan kongsi gelap dalam menjalankan kerja-kerja pengimportan, pemprosesan dan pengagihan candu masak. Di samping itu terdapat juga ahli-ahli kongsi gelap yang cuba mengacau kegiatan penyeludupan yang dijalankan oleh kongsi yang berlawanan. Kuasa kongsi gelap amat diperlukan untuk memastikan sistem pajakan cukai candu dan pengagihan bekalan candu beroperasi dengan lancar.³²

Yen Ching Huang juga berpendapat hubungan sebenar penyeludup dan kongsi gelap tidak diketahui tetapi boleh dipercayai bahawa kongsi gelap mampu menyediakan pelbagai saluran penyeludupan kepada penyeludup. Adakala kongsi gelap memberi sokongan dan perlindungan kepada penyeludup yang ingin menjual candu kepada buruh-buruh Cina.³³ Dengan adanya bantuan kongsi gelap, penyeludup berjaya mempromosikan candu di Tanah Melayu.

Penyeludupan telah berjalan dengan teratur dan tidak dapat dikawal oleh pihak kerajaan. Keadaan ini telah menyebabkan pemilik-pemilik hak pajakan candu dan pemimpin kongsi gelap yang tidak terlibat dalam kegiatan penyeludupan mengambil tindakan untuk menghapuskan penyeludupan yang telah menggugat kepentingan mereka. Ekoran daripada itu ahli-ahli kongsi gelap telah digunakan sebagai pengintip untuk mengawal kegiatan penyeludupan dengan memberitahu kes-kes penyeludupan kepada polis supaya musuh-musuh mereka dapat ditangkap.³⁴ Misalnya, ada di kalangan ahli-ahli kongsi gelap yang dihantar oleh ketua mereka untuk mengintip aktiviti-aktiviti penyeludupan candu yang dijalankan oleh kongsi-kongsi gelap yang bersaing dengan mereka. Maklumat tentang penyeludupan yang diperolehi akan diserahkan kepada pihak berkuasa agar penangkapan dapat dilakukan ke atas penyeludup-penyeludup candu.

Masalah-masalah yang timbul dalam sistem pajakan ke atas perdagangan candu telah mendorong kerajaan kolonial memperkenalkan beberapa enakmen yang baru untuk mengawal aktiviti perniagaan candu di Negeri Sembilan. Sebagai contoh, telah digubal Perlembagaan Pajakan Candu 1903 (*Constitution of Chandu Farm 1903*), Pindaan Peraturan Pajakan Candu 1906 (*Amendment of Chandu Farm Rules 1906*) dan Enakmen Pengawalan Belian, Jualan dan Penyimpanan Candu di Kedai Penghisapan Candu , 1906 (*An Enactment to Regulate the Manufacture for Sale and the Sale of Chandu and the Keeping of Chandu Smoking Shops, 1906*).³⁵

Perdebatan mengenai penyekatan jualan candu semakin lantang di Parlimen England dan telah disuarakan cadangan untuk menyekat penghisapan candu di negeri-

negeri Melayu.³⁶ Oleh itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar pengawalan jualan candu di Negeri Sembilan. Jumlah kedai candu semakin berkurangan di bandar setelah kerajaan menarik balik lesen pengedar. Kerajaan mengambil tindakan ini supaya ketua orang Cina tidak dapat menjual candu kepada buruh-buruh Cina. Apabila penghisap candu yang bekerja di kawasan lombong gagal memperolehi bekalan candu, mereka selalu membeli dari penyeledup candu. Ini menyukarkan kerajaan dalam menyekat jualan candu.³⁷

Untuk menghadapi masalah ini, kerajaan kolonial telah melaksanakan dasar pengharaman jualan candu dengan membatalkan sistem pajakan candu. Sebaliknya agensi kerajaan telah menggantikan kongsi gelap dalam usaha pemprosesan dan penjualan candu. Hak monopoli kerajaan ini telah dilaksanakan pada 1 Januari 1910. Dengan demikian semakin kurang peranan kongsi gelap dalam mengendalikan jualan candu di negeri-negeri Melayu.

Kegiatan Kongsi Gelap Dalam Perjudian

Kegiatan perjudian merupakan satu kebiasaan dalam masyarakat Cina. Pada masa itu terdapat dua jenis perjudian awam yang pertama adalah pejudi di kaki lima yang menjalankan kegiatan sepanjang tahun tetapi bilangannya adalah amat terhad. Jenis kedua pula adalah berjalan di jalanraya pada tahun Baru Cina dan terbuka kepada semua orang. Tabiat berjudi pada hari perayaan Tahun Baru Cina adalah budaya yang berasal dari China. Walaubagaimanapun tidak lebih 20% buruh yang datang ke Tanah Melayu dari China membawa tabiat berjudi, baki 80% terlibat dalam kegiatan ini semasa

bekerja di Tanah Melayu³⁸ Menurut Wong Lin Ken, penghisapan candu dan perjudian merupakan dua tabiat buruk yang utama di Asia Tenggara. Bagi pentadbir barat, perjudian merupakan salah satu punca pendapatan di Negeri Sembilan.³⁹ Sama seperti perniagaan candu, kongsi gelap juga terlibat dalam perniagaan judi.

Penglibatan orang Cina dalam perjudian adalah begitu berleluasa di Sungai Ujong. Menurut lawatan Pickering ke sebuah perkampungan Cina di Sungai Ujong pada 8 Oktober 1874, telah pun wujud tempat perjudian di sepanjang kampung Cina. Malah meja perjudian boleh dijumpai di setiap dua batu. Kampung Cina ini dikawal dan ditadbir oleh seorang Kapitan Cina yang juga merupakan ketua kongsi gelap Cina. Kapitan Cina di Sungai Ujong pada masa itu ialah Ngo-Khim dan Wang Ying.⁴⁰ Ketua-ketua kongsi gelap ini telah membuka rumah perjudian sendiri dan dinaungi oleh ahli-ahlinya sendiri. Dengan ini, hasil yang diperolehi dari perniagaan perjudian telah menjadi sumber pendapatan kepada kongsi gelap. Sebagai contoh, Ketua kongsi gelap, Wang Ying mempunyai kedai candu, perjudian, gadai dan arak yang banyak di Sungai Ujong. Ini menyakinkan Pickering bahawa keuntungan dari aktiviti ini sangat lumayan dan dipercayai segala bayaran yang dibayar oleh Kapitan Cina kepada kerajaan diperolehi dari aktiviti ini.⁴¹

Kegiatan perjudian amat berleluasa di kawasan perlombongan timah di Sungai Ujong. Pelombong Cina selalu berjudi selepas menjalankan kerja-kerja pelombongan atau di majlis jamuan makan. Mereka meletakkan meja perjudian di kawasan

perlombongan sebaik sahaja towkay memberi upah kepada pelombong-pelombong ini.⁴² Ini menunjukkan bahawa kegiatan perjudian merupakan hobi yang paling digemari oleh pelombong-pelombong Cina.

Tempat perjudian merupakan kawasan penempatan orang Cina yang amat perlu dilindungi oleh kongsi gelap. Bagi memastikan segala urusniaga berjalan lancar, towkay rumah perjudian terpaksa bergantung kepada ahli kongsi gelap bagi melindungi tapak perjudian dan penjudi-penjudi supaya tidak diganggu atau ditangkap oleh polis atau diancam oleh musuh towkay. Di sini, kongsi gelap berperanan memberikan towkay-towkay rumah perjudian maklumat operasi penyiasatan polis ; menghalang kemasukan pelanggan yang tidak dikenali ; menjaga peraturan dalam rumah kongsi ; menjadi pelayan rumah perjudian ; melindungi pejudi yang menang dalam perjudian serta berwaspada pada musuh kongsi yang mungkin menjalankan perompakan. Untuk memastikan tugas tersebut dapat dilaksanakan, kongsi gelap menghantar beberapa orang ahli untuk meronda kawasan perjudian; menjaga di pintu depan, dan mengawasi tempat perjudian.⁴³

Kegiatan perjudian yang merupakan sebahagian daripada kehidupan sosial masyarakat Cina telah bertukar menjadi punca berlakunya jenayah. Ini kerana penjudi yang terjerumus dalam perjudian selalu mencuri atau merompak setelah mereka rugi wang yang banyak di tempat perjudian. Ramai pentadbir tempatan bersetuju dengan pendapat Cairns (Lieutenant Gabenor Melaka) yang menyatakan bahawa perjudian menjadi suatu jenayah kerana sikap polis yang memeras sejumlah wang rahsia daripada penjudi dan menjadi dalang kepada penjudi.⁴⁴ Ini menunjukkan bahawa kongsi gelap bukan satu-satu punca penularan kegiatan perjudian di Tanah Melayu.

Pihak kerajaan terpaksa mengambil tindakan membanteras kegiatan perjudian setelah kes jenayah semakin bertambah. Protector Cina, Pickering dan Inspector Polis, Kolonel Dunlop menyokong kuat tindakan pembanterasan kegiatan perjudian. Mereka mencadangkan pembuangan ketua negeri yang menjalankan perniagaan perjudian dan mengharamkan rumah-rumah perjudian. Namun cadangan ini tidak disambut dengan baik. Ini kerana perjudian bukanlah satu aktiviti yang mengugat ketenteraman awam. Lagipun, hukuman pengusiran pulang hanya boleh dijatuhkan ke atas penduduk Cina yang bukan warganegara Tanah Melayu atau ke atas penjahat yang telah melakukan kes-kes jenayah yang serius sahaja.⁴⁵

Walaupun kegiatan perjudian tidak dibanteras tetapi pihak penjajah telah memperkenalkan beberapa enakmen untuk mengawal aktiviti ini. Di antaranya adalah Enakmen No. 16, pada tahun 1901 : Enakmen yang mengesahkan pengharaman perjudian (*Enactment No.16 of 1901 : An Enactment to Declare Certain Lotteries Illegal*), Enakmen Pajakan Candu 1903 : Undang-undang Pajakan Perjudian (*Revenue farms Enactment 1903 : Constitution of Gambling Farm*), Enakmen Pajakan 1903 : Undang-undang Pajakan Perjudian (*Revenue farms Enactment 1903 : Constitution of Gambling Farm*) dan Enakmen No. 12, pada tahun 1906 : Enakmen Pengharaman Perjudian (*Enactment No.12 of 1906 : An enactment to provide for the Suppression of Gambling*).⁴⁶

Peranan Kongsi Gelap Dalam Kegiatan Pelacuran

Kemasukan buruh Cina secara beramai-ramai ke Tanah Melayu telah membawa kepada perkembangan aktiviti pelacuran. Walaupun pelacuran⁴⁷ merupakan satu gejala

yang negatif tetapi aktiviti ini masih berkembang pesat. Terdapat pelbagai faktor yang telah membawa kepada perkembangan aktiviti pelacuran di Tanah Melayu. Antara yang paling utama adalah sekatan terhadap penghijrahan wanita-wanita Cina ke seberang laut oleh kerajaan Dinasti Qing yang menyebabkan tiada wanita yang mengikut jejak lelaki berhijrah ke seberang laut. Selain itu , golongan lelaki juga tidak mampu membawa anak isteri mereka ke rantau asing kerana kos hidup yang tinggi dan dipercayai juga ramai di kalangan wanita Cina yang berasal dari wilayah Kuang Dong dan Hokkian adalah ‘small-footed’ yang tidak mampu berjalan secara bebas atau bekerja keras. Dengan itu , sukar bagi mereka untuk berhijrah seperti lelaki atau diambil bekerja di kawasan perlombongan dan ladang. Hakikat seperti ini telah menyebabkan bilangan lelaki bujang Cina semakin bertambah sehingga nisbah bilangan lelaki dengan perempuan adalah amat tinggi di Negeri Sembilan.⁴⁸

Jadual 3.2 Nisbah Bilangan Orang Cina Lelaki Dan Perempuan (dalam setiap 1,000)

Jantina / Tahun	1891	1901
Lelaki	965	951
Perempuan	35	49

Sumber : Banci Negeri Sembilan 1901 dan Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901 , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Ketidakseimbangan jantina telah menyebabkan lelaki muda terpaksa mencari pelacur bagi memenuhi keperluan nafsu seks mereka.⁴⁹ Akibatnya bilangan rumah

pelacuran semakin bertambah untuk memenuhi permintaan mereka. Jumlah rumah pelacuran yang berdaftar di Sungai Ujong telah mencapai 43 buah dan di Jelebu pula terdapat 34 buah.⁵⁰ Kebanyakan pelacur di Sungai Ujong terdiri daripada wanita Cina⁵¹ dan Jepun. Jadual 3.3 menunjukkan pelacur Cina telah memonopoli kegiatan pelacuran di Sungai Ujong.

Jadual 3.3 Rumah Pelacuran Dan Pelacur Di Negeri Sembilan Pada Tahun 1914

	Cina		Jepun		Melayu		Jumlah	
	Rumah Pelacuran	Pelacur						
Seremban	15	99	13	73	1	4	29	176
Kuala Pilah	1	4	6	26			7	130
Pantai (Coast)	2	11	2	9			4	20
Jelebu	2	15	4	18			6	43
Tampin	1	6	8	24			9	30

Sumber : FMS , Report of the Secretary for Chinese Affairs for the Year 1914 , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Kongsi gelap turut melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran di Sungai Ujong. Mereka telah membentuk sindikit dalam melacurkan wanita dari China . Ramai wanita Cina dari kawasan perkampungan di China telah diculik atau dijanjikan pekerjaan sebagai pembantu rumah , pelayan dan tukang jahit di Tanah Melayu tetapi kemudianya telah dipaksa menjadi pelacur setibanya di sini. Selain itu , kongsi gelap juga berperanan dalam memberi perlindungan kepada pemilik-pemilik rumah pelacuran yang ingin membeli wanita dari China.⁵² Dengan adanya penglibatan kongsi gelap , bekalan berterusan wanita-wanita dari China semakin terjamin.

Rumah pelacuran yang berdaftar masih memerlukan perlindungan daripada kongsi gelap untuk memastikan perniagaan mereka berjalan dalam keadaan aman dan tanpa gangguan. Biasanya pengurus-pengurus rumah pelacuran mendapat bantuan daripada kongsi-kongsi gelap untuk mengelakkan adanya pelanggan yang cuba menimbulkan kekacauan ataupun enggan membayar setelah mendapat perkhidmatan daripada pelaur. Ketu kongsi gelap juga akan menghantar kaki pukul untuk menjaga keselamatan di rumah pelacuran untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya kekacauan di rumah pelacuran.

Di samping itu , kongsi gelap juga berperanan untuk mengawal dan melindungi pelacur daripada menetang atau mlarikan diri. Jika mereka berbuat demikian, mereka tentu akan dimalukan atau dirogol oleh kaki pukul. Denan adanya pengawalan kongsi gelap , pelacur-pelacur terpaksa menurut segala perintah dan permintaan pemilik rumah pelacuran. Kuasa kongsi gelap juga digunakan untuk memastikan tiadanya pelacur yang mlarikan diri atau diculik oleh pemilik rumah pelacuran yang lain. Oleh itu , kaki-kai pukul yang ditempatkan di rumah pelacuran turut menjalankan tugas pengawasan. Terdapat juga pelacur-pelacur yang mengupah kaki pukul dengan membayar wang perlindungan untuk menjaga diri mereka.⁵³ Ini menunjukkan kongsi gelap hanya akan memberi bantuan sekiranya pengurus rumah pelacuran membayar wang perlindungan kepada mereka.

Hubungan di antara kongsi gelap dengan aktiviti pelacuran adalah begitu rapat kerana ada di kalangan pemilik rumah pelacuran merupakan ahli kongsi gelap . Penyertaan mereka dalam kongsi gelap menjamin perniagaan dn keuntungan mereka tidak dicabar oleh mana-mana pihak. Atas alasan inilah, pemilik-pemilik rumah

pelacuran yang bukan ahli kongsi gelap lebih rela dilindungi atau dibantu oleh kongsi gelap dan sebagai blasan kepada perlindungan yang diperolehi , mereka membayar sejumlah wang kepada kongsi secara bulanan atau tahunan. Pendek kata, pelacuran mempunyai hubungan rapat dengan aktiviti kongsi gelap kerana rumah pelacuran membayar wang perlindungan kepada kongsi gelap.⁵⁴ Wang perlindungan yang dikutip daripada pemilik rumah pelacuran telah menjadi satu sumber pendapatan yang penting kepada kongsi gelap.

Rumah pelacuran juga menjadi tempat untuk mempromosikan candu dan keadaan ini membantu penambahan sumber pendapatan kepada kongsi-kongsi gelap kerana ketua-ketua kongsi gelap biasanya memonopoli sebahagian besar perniagaan atau penyeludupan candu. Pendapatan yang lumayan ini telah menyebabkan kongsi-kongsi gelap sentiasa bersaing di antara satu sama lain untuk menguasai rumah-rumah pelacuran. Pihak kongsi gelap yang bermusuhan sering menghantar pelawan mereka untuk mengganggu rumah-rumah pelacuran yang telah dilindungi oleh pesaing mereka. Akibatnya, persengketan di antara kongsikongsi gelap sering berlaku.⁵⁵

Sejak akhir abad ke-19 lagi, kerajaan kolonial mula mengharamkan kongsi gelap. Namun ahli-ahli kongsi gelap masih diupah untuk menjadi pelindung atau kaki pukul di rumah pelacuran. Akan tetapi mereka selalu mengelakkan diri dariapda bertelingkah dengan pelanggan pelacur atau kongsi gelap yang bermusuhan untuk mengelakkan pihak kerajaan kolonial mengambil tindakan terhadap mereka. Mulai tahun 1890-an , ahli kongsi gelap hsnya berperanan untuk menakutkan pihak yang cuba mengacau. Jika kes pergaduhan berlaku, mereka memainkan peranan untuk mengawal keadaan dan mengelakkan pengacau itu mclarikan diri di samping menunggu pemilik rumah pelacuran

melapor kepada pihak polis dan peranan mereka telah berubah sedikit untuk mengelakkan pertelingkahan antara kongsi-kongsi gelap yang boleh membawa kepada peristiwa berdarah.⁵⁶ Dengan adanya campur tangan kerajaan kolonial dalam menyelesaikan masalah masyarakat Cina, pengaruh kongsi gelap dalam aktiviti pelacuran semakin hilang.

Untuk mnyelesaikan masalah rumah pelacuran dan pelacur Cina yang selalu dikawal oleh kongsi-kongsi gelap, kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil tindakan dengan menggubal Enakmen No: 9 , 1902 "Perlindungan kepada Wanita" (*Enactment No: 9 of 1902 : Protection of Women and Girls*). Menerusi enakmen ini , Pelindung Cina mempunyai kuasa untuk memeriksa setiap wanita Cina yang masuk ke Negeri-negeri Melayu untuk mnegelakkan mereka daripada dibawa masuk untuk tujuan pelacuran . beliau juga boleh memberi perlindungan kepada wanita dengan meminta pihak yang mengawal wanita ini untuk menyerahkan gambar wanita berkenaan. Selain daripada itu, Pelindung Cina juga mempunyai kuasa untuk menghantar wanita ini ke tempat yang selamat atau menghantar mereka pulang ke kampung halaman demi keselamatan mereka. Enakmen ini menghalang wanita berumur di bawah 16 tahun dijadikan pelacur dan memebri kuasa kepada Pelindung Cina dan pegawai-pegawaiannya memeriksa sebarang kapal , rumah , bangunan atau mana-mana tempat yang disyaki menyembunyikan wanita.⁵⁷ Dengan adanya perlindungan daripada kerajaan , kuasa kongsi gelap dalam mengawal aktiviti pelacuran semakin hilang. Namun kewujudannya masih diperlukan dalam hal-hal melindungi rumah pelacuran.

Kegiatan Kongsi Gelap Dalam Pungutan Wang Perlindungan Di Sungai Ujong

Menurut Blythe, setibanya pendatang Cina di negeri-negeri Melayu, mereka dikehendaki membayar wang perlindungan kepada kongsi gelap untuk menjaga keselamatan diri. Dengan ini peniaga, pelombong, operator perjudian dan operator candu telah menjadi sasaran kongsi gelap untuk memungut hasil.

Terdapat dua jenis pemungutan hasil, yang pertama adalah wang keahlian yang dibayar oleh ahli kongsi gelap kepada kongsi mereka. Wang ini digunakan untuk memberi bantuan kebajikan kepada ahli yang memerlukannya atau digunakan untuk memberi perlindungan kepada ahli kongsi gelap yang diancam oleh musuh. Sumbangan jenis kedua dianggap sebagai yuran yang dipungut dari sesiapa sahaja yang bukan ahli dalam kongsi gelap. Mansanya terdiri daripada mereka yang menjalankan perniagaan di kawasan pengaruh kongsi gelap. Urusniaga sukar dijalankan jika mereka enggan membayar.⁵⁸

Oleh kerana kongsi gelap memberikan perlindungan kepada ahli-ahli dan peniaga yang bermiaga di kawasan perlindungannya, maka mereka mesti menyumbang sejumlah wang kepada kongsi gelap. Sesiapa yang ingin menjadi ahli kongsi gelap mesti bayar wang sumbangan sebanyak \$2 dan wang pendahuluan sebanyak \$10.80 kepada kongsi gelap berkenaan. Orang kaya seperti peniaga mesti membayar wang pendahuluan yang lebih banyak, iaitu \$108 dengan wang sumbangan sebanyak \$10.⁵⁹ Kuasa kongsi gelap dalam memungut yuran dari ahli-ahlinya adalah begitu kukuh bila kerajaan kolonial juga mengiktiraf kewujudan kongsi gelap.⁶⁰ Dengan adanya yuran ini, kedudukan ekonomi kongsi gelap semakin kukuh.

Penularan pengaruh kongsi gelap adalah begitu pesat sehingga dapat mengatasi undang-undang yang sah. Kongsi gelap Cina telah berfungsi sebagai polis yang tidak sah dan mereka mempunyai kuasa mengawal keselamatan seperti pegawai polis dari kerajaan kolonial. Ini menyebabkan wang perlindungan yang dipungut tidak lagi terhad kepada pedagang sahaja malah meliputi penjaja, pelacur, perjudian haram dan rumah candu.⁶¹ Namun begitu bayaran kepada kongsi gelap bukan merupakan bayaran perlindungan tetapi adalah kerana mereka takut dengan ugutan dan ancaman sekiranya tidak membayar kepada pihak kongsi gelap.

Terdapat pelbagai cara peras ugut yang digunakan oleh kongsi gelap. Di antaranya adalah minta secara terus apabila peniaga memulakan perniagaan mereka. Ahli kongsi gelap juga mengugut peniaga dengan menghantar pokok limau atau papan mercun sebagai tanda memberi perlindungan. Jika towkay enggan membayar wang perlindungan, maka ahli kongsi gelap akan menghantar ‘kaki pukul’ untuk membeli-belah di kedai tersebut tanpa bayaran. Cara sebegini akan terus digunakan sehingga towkay tunduk dan bersetuju untuk membayar wang tersebut. Towkay yang diugut biasanya akan tawar-menawar dengan kongsi gelap tentang jumlah wang yang perlu dibayar. Biasanya peniaga akan membayar wang perlindungan supaya keselamatan diri dan keluarganya tidak diancam oleh samseng kongsi gelap.⁶²

Kongsi gelap menghantar ahli tertentu untuk memungut wang perlindungan setiap bulan. Ketua kongsi gelap merekod segala wang yang dipungut dalam buku akaun kongsi. Namun begitu towkay hanya membayar wang perlindungan kepada kongsi gelap yang berkuasa di kawasan perniagaan mereka sahaja.⁶³ Pendek kata, pungutan wang

perlindungan adalah suatu tampanan dan cabaran kepada pihak berkuasa yang memerintah dan kerajaan kolonial. Malah pembayaran wang ini juga dianggap sebagai suatu jenayah. Akan tetapi budaya ini sukar dikikis hingga ke hari ini, di mana salah satu amalan kongsi gelap Cina adalah memungut wang perlindungan.

Kesimpulan boleh dibuat bahawa kegiatan ekonomi komuniti Cina di Sungai Ujong sering dikongkong oleh pemimpin Cina yang juga mempunyai status sebagai ketua kongsi gelap. Kapitan Cina telah menggunakan kuasa kongsi gelap untuk menguasai industri timah di Sungai Ujong. Perkembangan ini telah membawa bersama penubuhan pusat hiburan seperti rumah candu dan rumah perjudian yang turut dikuasai oleh kongsi gelap. Maka boleh katakan bahawa pemimpin Cina telah menguasai sebahagian besar aktiviti ekonomi dan pusat hiburan penghijrah Cina.

Nota Hujung

¹ Kawasan perlombongan bijih timah utama di Tanah Melayu adalah di Pahang ; Kuala Muda di Patani ; Tanah Linggi di Sungai Ujong ; Lukut di Selangor ; Colong dan Pungah di Perak . Menurut catatan Godinho de Eredia , Sungai Ujong merupakan suto kawasan yang kaya dengan emas, perak, merkuri, timah dan besi sejak abad ke-17M. Kawasan perlombongan di Sungai Ujong berkedudukan kira-kira 30 batu dari Pangkalan Durian seperti di Sala, Sa Mawaboh, Battu Lobong, Kayu Ara dan Timiong. Timah dibawa ke Lingie dan simpan di gudang yang terletak di Pancalang Cindang, Durian dan Manggis. Dari Sungai Ujong, timah diangkut keluar melalui Lukut kerana ia merupakan jalan yang pendek dan kos pengangkutan juga agak rendah. Oleh kerana ini, Sungai Lingie menjadi jalan perhubungan di antara kawasan perlombongan Sungai Ujong yang utama . T.J.Begbie *The Malayan Peninsula*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 388 ; *An Account of the Geology and Mining Industries of South Selangor and Negeri Sembilan*, Februari 1921 ; "Second Constitution of report on the Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula," dalam *Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1770-1882*, hlm. 7 dan 8; T.J.Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*, Bil. 1, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 94 .

² "Second Constitution of report on the Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula," dalam *Government Papers Relating to the Malayan Peninsula, 1770-1882*, hlm. 9 .

³ Cukai yang dikenakan ini meliputi cukai perseorangan, cukai perdagangan, cukai hasil pengeluaran, cukai pengangkutan, cukai perdagangan dan cukai tanah . *Ibid.*, hlm. 9 .

⁴ J.M. Gullick, "The Negeri Sembilan Economy of the 1890's," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS selepas ini)* , Bilangan (Bil. selepas ini) 24 (1), Februari 1951, hlm. 44.

⁵ T.J. Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca*, hlm. 43-45.

⁶ P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 409.

Wong Lin Ken. "Western Enterprise and the Development of the Malayan Tin Industry to 1914," dalam D.Cowan (ed.), **Economics Development of Southeast Asia**, London, 1964, hlm. 131 .
bid., hlm.131.

Sebagai balasan, pelombong Cina terpaksa menjual timah dengan harga yang dipersetujui dan ditetapkan oleh pembesar Melayu. Pada masa itu, pembesar Melayu menerima wang tunai, candu dan beras daripada udagar Melaka. Barang-barang ini kemudiannya dijual secara hutang kepada pelombong Cina dengan harga yang tinggi. Kesannya pelombong Cina mengalami kerugian akibat penggunaan orang tengah iaitu pembesar Melayu.

Wong Lin Ken, **Malayan Tin Industry to 1914**, University of Arizona Press , Tuscon , 1965, hlm. 25.
Faridah Abu Bakar. " Perang Sungai Ujong 1872-1874 : Peranan Inggeris Dalam Sejarah Negeri Sembilan," Tesis Sarjana Muda, Universiti Hasanuddin, Ujung Pandang, 1994, hlm. 32.

Gullick, "The Negeri Sembilan Economy", hlm. 38 dan 44.
Zulkarnain Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 41 .

Wilfred Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya**, Oxford University Press, London, 1969, hlm. 61-62.

"Second Constitution of report on the Government relating to the Native States in the Malayan Peninsula" dalam **Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-82**, hlm. 9 .

Wan Ming Sing. "History of the Organisation of the Chinese Community in Selangor with Particular Reference to Problems of Leadership 1857-1962," Tesis Sarjana , Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 30 dan L.F.Comber, **Chinese Secret Societies in Malaya**, J.J.Augustin Publisher, Singapura, hlm. 7.

Comber, **Chinese Secret Societies in Malaya**, hlm. 206.

Financial Report on Sungai Ujong 1882.

Wong Lin Ken. "Western Enterprise and the Development," hlm. 132.

Konflik politik yang berlaku antara tahun 1860-70an telah dibincang dalam bab ketiga.

Antara fasal-fasalnya adalah seperti bilangan kuli yang paling minimum yang bekerja di lombong sewa lalah tidak boleh kurang daripada seorang bagi nisbah satu ekar tanah dan segala harta benda serta engawalan sungai, longkang dan sumber air dalam negeri harus dibawa penguasaan Residen. Selain daripada itu, wanita di bawah umur 16 tahun tidak boleh bekerja di kawasan perlombongan ."FMS State of Negeri Sembilan, Enactmen No. 17 of 1904,"dalam **Negeri Sembilan Enactmen 1904**, dan "Rules under the Mining Enactmen 1904 for Negeri Sembilan State," dari General Secretary FMS , 23 Jun 1904 , *HCO (MS) 1064/04* .

Wong Lin Ken. "Western Enterprise and the Development of the Malayan Tin Industry to 1914", hlm. 18.

Sistem pajakan cukai merupakan satu sistem mengutip cukai, di mana seseorang pemajak diberi hak yang diberikan oleh kerajaan untuk mengutip cukai ke atas sesebuah kawasan atau pengeluaran sesuatu bahan komoditi atau perkhidmatan. Hak pajakan akan diberikan kepada mereka yang mampu menawarkan harga yang paling tinggi. Pemajak yang mendapat hak pajakan mesti membayar sejumlah wang dari kutipan cukai kepada kerajaan. Candu adalah pajakan yang paling menguntungkan. Ini kerana 2/3 daripada penghijrah Cina adalah penghisap candu. Sistem ini merupakan sumber pendapatan yang utama kepada kerajaan . Irene Lim, **Chinese Secret Societies In Singapore**, National Heritage Board, Singapura , 1999, hlm.17-18 dan Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**, Zhong Huahu Ban She, Peking, hlm. 206.

"Mr. Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 8 Oktober 1874," dalam **Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-1882.**

Ibid., 9 Oktober 1874.

"Tender for Opium, Spirit, Gambling and Pawn Brokering Farm of Sungai Ujong,"dari Chan Kong Pian, Sungai Ujong, 30 November, 1891, *British Residential Office : Misc 364/91*.

"Surat dari Chan Kong Pian kepada Residen British Sungai Ujong, 8hb Disember 1891," *British Residential Office Negeri Sembilan, 385/91*.

FMS Annual Report 1901.

Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**, hlm.212

³⁰ Yen Ching Huang (颜 慶 潝), "Hubungan Kongsi Gelap dengan Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura," Pengajian Penghijrah Cina di Seberang Laut (海外華人史研究), Singapore Asian Research (新加坡亞洲研究), Singapura, 1992, hlm.191.

³¹ Yen Ching Huang, Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura, hlm. 213 ; Blythe, The Impact of Chinese Secret Societies, hlm. 254.

³² Irene Lim, Secret Societies in Singapore, hlm. 19.

³³ Yen Ching Huang, Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura, hlm.213.

³⁴ Irene Lim, Secret Societies in Singapore, hlm. 19.

³⁵ Isi kandungan enakmen-enakmen boleh dirujuk dalam bahagian lampiran.

³⁶ Wong Lin Ken . Malayan Tin Industry to 1914, hlm. 191.

³⁷ Negeri Sembilan Annual Report 1900.

³⁸ C.O. 273, 139/6869; Yen Ching Huang, Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura, hlm 173 .

³⁹ Wong Lin Ken, Malayan Tin Industry to 1914, hlm. 77.

⁴⁰ "Mr. Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 8 Oktober 1874,"dalam Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-82.

⁴¹ "Mr. Pickering's Journal : Singapore to Sungai Ujong, 10 Oktober 1874,"dalam Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-82.

⁴² "Second Constitution of Report on the Proceed of Government Relating to the Peninsula Malaya – Rumbowe dan Sungai Ujong," dalam Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-82 dan Wong Lin Ken. Malayan Tin Industry to 1914, hlm.77.

⁴³ Chin Ko-Lin (陈国林). Budaya Kongsi dan Orang Cina (族群与华人), Shang Wu Ying Shu (商务印书馆), Taiwan , 1997 hlm. 147-148.

⁴⁴ Blythe, The Impact of Chinese Secret Societies, hlm. 219.

⁴⁵ "Gambling among the Chinese Community," 18 Mac 1886, dari Government House, Singapura, C.O. 273, 139/6869.

⁴⁶ Untuk maklumat lanjut tentang isi kandungan enakmen-enakmen ini sila rujuk dalam bahagian lampiran.

⁴⁷ Di Tanah Melayu kegiatan pelacuran terbahagi kepada tiga jenis. Jenis yang pertama adalah *sold prostitutes* yang terdiri daripada wanita yang dijual atau dipaksa melacur. Mereka dibeli oleh *brothel keepers* dari traffickers yang mengambil wanita ini sebagai anak angkat. Mereka yang cuba menentang selalunya didenda atau diseksa, dan dibekal barang keperluan asas yang amat sedikit . Pelacur-pelacur ini adalah harta peribadi brothel keeper atau ibu pelacur kerana segala hasil melayan pelanggan dimiliki sepenuh oleh mereka. Jenis kedua pula adalah *pawn prostitutes* iaitu pelacur-pelacur yang terikat kepada perjanjian di mana mereka melacurkan diri untuk menjelaskan hutang tetapi mereka boleh ditebus semula. Mereka diberi makanan , tempat tinggal dan menerima sebahagian daripada bayaran yang dikenakan ke atas pelanggan-pelanggan mereka. Jenis ketiga adalah *voluntary prostitutes* di mana wanita tersebut bekerja sebagai pelacur untuk mendapat upah dan makanan. Mereka tidak terikat kepada apa-apa perjanjian. Rumah pelacuran hanya sebagai tempat bekerja. Hasil yang diperolehi akan dibahagikan antara pemilik rumah pelacuran dengan pelacur . Victor Purcell, The Chinese In Malaya, Oxford University Press , Kuala Lumpur , 1967 , hlm. 175 ; Wang XianJiang , "Masalah sosial Masyarakat Cina dan Pelacuran Di Pulau Pinang Pada Akhir Abad Ke- 19", Zhen Yong Zhaao (edt.) Siri Budaya Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura , Sin Hong Chu Ban She , 1999, Singapura m hlm. 200 .

⁴⁸ Pada tahun 1901, terdapat seramai 31,300 orang lelaki di Negeri Sembilan tetapi hanya terdapat 1,600 orang wanita . Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901 ; FMS , Negeri Sembilan Adminstration Report 1902 ; Julian Lim , "Social Problems of Chinese Female Immigrants in Malaya 1925-1940," Malaysia in History , Bilangan (Bil. Selepas itu) 23 , 1980, hlm. 101 .

⁴⁹ Zhong Shi Jing . Pengajian Kesedaran Kenagaan Orang Cina di Malaysia dan Singapura. Pustaka Tanah Merah . Kedah. 1984 , hlm. 34 dan 35.hlm. 37.

⁵⁰ "Financial Returns for The Years 1889," dari Audit Office Sungai Ujong , Aud 446/90, 31hb Mac 1890.

⁵¹ Pelacur-pelacur wanita biasanya diimport dari China melalui pelabuhan di Hong Kong dan pelabuhan-pelabuhan lain. Kebanyakan wanita Cina yang bekerja sebagai pelacur berasal daripada puak Kantonis, sebaliknya kuli lelaki Cina pula berasal daripada puak Hokkian. Fenomena ini berlaku kerana keadaan masyarakat yang lebih konservatif di Provinsi Fujian dan Keng Chou dan kawalan pegawai yang ketat telah menyebabkan kurangnya wanita dari kedua-dua kawasan tersebut untuk bekerja sebagai pelacur. Akan

tetapi wanita dari Kuang Dong lebih berfikiran terbuka disebabkan mereka lebih awal menjalinkan hubungan dengan orang-orang barat dan dipengaruhi oleh budaya barat. Ini ditambah dengan kelonggaran untuk mendapat kebenaran dari pegawai kerajaan untuk meninggalkan kampung halaman. Kemudahan pelayaran tersedia di pelabuhan-pelabuhan utama di Kuang Chou , Hong Kong dan Macau telah menyebabkan mereka memonopoli bidang pelacuran . Budaya ini amat berleluasa di Kuang Dong sehingga menyebabkan pelacuran telah dimonopoli oleh wanita Kantonis sehinggakan mereka yang menguasai aktiviti ini di Asia Tenggara . Wang Xian Zhi,"Masalah Sosial Masyarakat Cina," hlm. 201-202

⁵² L.F.Comber, **The Chinese Secret Societies In Malaya**, hlm.132 ; C.S.Wong, " The Ptotector and the Triad Societies . An Autline Survey by C.S.Wong," **Journal of Southeast Asian Research (JSAR selepas itu)** , bil . 2 , 1966, hlm. 70 .

⁵³ Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina**, hlm. 235 ; Wang Xian Jiang, **Masalah Sosial Masyarakat Cina** hlm 212 dan Ali bin Jabar, " Perkembangan Kongsi Gelap di Malaysia," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah , University Malaya, Kuala Lumpur, 1966 , hlm. 50.

⁵⁴ Yen Ching Huang,**Sejarah Masyarakat Cina** , hlm. 235 dan Comber , **The Chinese Secret Societies in Malaya**, hlm. 249.

⁵⁵ Yen Ching Huang . **Sejarah Masyarakat Cina**, hlm. 235.

⁵⁶ Wang Xiang Jiang, " Masalah Sosial Masyarakat Cina," hlm. 223.

⁵⁷ "Enactment No: 9 of 1902 : Protection of Women and Girls," dalam **Negeri Sembilan Law 1883-1902**.

⁵⁸ Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 47 dan Irene Lim, **Secret Societies in Singapore**, hlm. 20.

⁵⁹ Chow Mun Seong, "Sejarah Komuniti Pelombong Cina di Selangor 1874-1920," hlm. 142.

⁶⁰ C.O. 273, 154.17560

⁶¹ Comber, **Chinese Secret Societies in Malaya**, hlm. 62.

⁶² Chin Ko-Lin, **Budaya Kongsi Gelap dan Orang Cina**, hlm. 149 ; Mak Lau Fong, **The Sociology of Secret Societies**, Oxford University Press , Kuala Lumpur , 1981 , hlm. 116 dan Ali bin Jabar, "Perkembangan Kongsi Gelap di Malaya," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1966, hlm. 51.

⁶³ Chin Ko-Lin, **Budaya Kongsi Gelap dan Orang Cina**, hlm. 150 dan Mak Lau Fong, **The Sociology of Secret Societies**, hlm. 87.